



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	8/7/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	18
JABATAN	:	TNB			

Kuala Lumpur: Lebih 1,800 keluarga B40 seluruh Semenanjung yang terkesan akibat pandemik Covid-19 menerima bantuan wang tunai dengan nilai agihan melebihi RM1 juta menerusi Tabung Warga TNB Prihatin (WTP).

Pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, Tabung WTP dilancarkan pada 9 Jun lalu adalah wadah untuk warga kerja TNB membantu rakyat memerlukan dalam suasana pandemik berlanjutan.

Katanya, inisiatif itu selari kesungguhan syarikat menerangi kehidupan penduduk negara ini.

"Selain warga kerja TNB yang menyumbang kepada tabung dengan nilai lebih

WTP sumbang lebih RM1j bantu keluarga terjejas

RM1.52 juta setakat ini, terima kasih juga kepada pemimpin kesatuan dan persatuan dalam TNB yang bersepatat menubuhkan tabung.

"Tidak dilupakan pelbagai pihak yang membantu kami mengenal pasti penerima bantuan.

"Secebis bantuan daripada kami diharap mampu mengukir senyuman dan membawa bahagia kepada penerima bagi menempuhi tempoh sukar ketika ini," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Kata Mahdzir, sambutan baik warga kerja TNB menjayakan tabung ini manifestasi nilai murni budaya syarikat iaitu, prihatin, kerjasa-



ma, mengutamakan pelanggan, integriti, profesionalisme dan berwawasan yang amat penting dalam usaha menyeluruh TNB membantu kerajaan menjayakan Pelan Pemulihan Negara.

Mahdzir berkata, TNB juga menumpukan empat aspek iaitu menyelamatkan nyawa, melindungi golongan rentan, menyediakan bekalan elektrik yang stabil dan memacu pemulihan ekonomi dalam menyokong usaha Pelan Pemulihan Negara.

"Tabung amal ini memberi keinsafan kepada warga kerja kami untuk sentiasa berkongsi nikmat dalam suasana ramai yang tertekan akibat pandemik Covid-19

apabila ada yang kehilangan punca pendapatan dan pekerjaan.

"Alhamdulillah, menerusi maklum balas penerima, rata-ratanya menyatakan bantuan Tabung WTP meredakan kesusahan keluarga masing-masing," katanya.

Selain Tabung WTP, pelbagai inisiatif dilaksanakan TNB tahu ini.

Antaranya adalah menghulurkan pelbagai bentuk bantuan kepada lebih 10,000 golongan B40 dengan peruntukan hampir RM9.5 juta termasuk membiayai pembinaan rumah, pengagihan bekalan makanan dan keperluan asas sosial.

